

BULETIN

BILIK GERAKAN COVID-19 HCTM

25 APRIL 2020



ALUMNI UKM Terkehadapan



Gambar : freemalaysiatoday.com

**“Pada saya, tak penting
(gelaran wira negara)
tetapi apa yang penting
adalah perkhidmatan kita”**




Vol. (6) 2020

TERBITAN :
Hospital Canselor Tuanku Muhriz UKM
Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak,
56000 Cheras, WP Kuala Lumpur



TELEFON : 0391454949/4959
EMAIL : cprchctm@ppukm.ukm.edu.my

eISSN 2716-6368



9 772716 636002

TAHNIAH KETUA PENGARAH KESIHATAN: ANUGERAH ORANG PALING DIPERCAYAI



Gambar : thestar.com.my

Y.Bhg Datuk Dr Noor Hisham Abdullah lahir pada 21 April 1963 di Sepang, Selangor. Beliau merupakan seorang pakar bedah terlatih, berkelulusan Doktor Perubatan M.D (UKM) – 1988, dan kembali menyambung pengajian kepakaran sehingga memperoleh *Master of Surgery M.S (UKM)* –1994. Kepakarannya adalah dalam bidang kanser endokrin payudara.

Beliau mula menyertai perkhidmatan awam sebagai Pegawai Perubatan pada Ogos 1988 sehinggalah dilantik sebagai Ketua Pengarah Kesihatan bermula 1 Mac 2013.

Pada 3 April 2020, Noor Hisham Abdullah terpilih untuk menyertai Gabungan Penyelidikan Klinikal COVID-19 dalam usaha memerangi penyakit itu di peringkat antarabangsa.


Akhbar tempatan menggelar beliau sebagai “panglima” kerana ketokohan dalam memimpin barisan hadapan yang dianggotai ribuan doktor, jururawat dan kakitangan kesihatan melawan musuh halimunan yang bernama COVID-19.

Kemunculannya sentiasa dinanti untuk memberikan laporan terkini pada sidang media setiap hari pada jam 5.00 petang. Beliau sentiasa bersedia menjawab setiap persoalan yang dilontarkan oleh para wartawan dengan tenang walaupun wajahnya kelihatan serius. Setiap kata-katanya tersusun rapi, fakta yang tepat dan mudah difahami.

Ketika menerima kata-kata sanjungan sebagai wira negara, dalam kerendahan hati Ketua Pengarah Kesihatan, Datuk Dr Noor Hisham Abdullah mengakui, “Ini bukan tentang saya, tetapi apa yang kita boleh lakukan bersama-sama untuk memerangi Covid-19.”

Saluran TV China (*Global TV Network*) menyenaraikan Dr. Noor Hisham antara tiga doktor terbaik dan diyakini. Pengiktirafan yang sama turut diberikan kepada Dr. Anthony Fauci dari Amerika Syarikat dan Dr. Ashley Bloomfield dari New Zealand.

Pihak Bilik Gerakan mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Alumni tersohor Y.Bhg Datuk Dr. Noor Hisham Abdullah. Beliau telah mengharumkan nama UKM di persada dunia.



Gambar : gempak.com


UNIT PENYAKIT BERJANGKIT HCTM KE ARAH PERSEDIAAN HOSPITAL COVID

Dalam tempoh 2 minggu pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP), Unit Penyakit Berjangkit HCTM (*Infectious Disease Unit*) telah membuat persiapan untuk menjadi Hospital Covid dan merawat pesakit Covid.

Pusat *Person Under Investigation (PUI)* diwujudkan serta dibahagikan kepada dua zon iaitu Zon Respiratori dan Zon Bukan Respiratori.

Unit Penyakit Berjangkit juga bersedia menggalas tugas sebagai hospital hibrid iaitu merawat pesakit COVID-19 dan bukan COVID-19. Setiap wad (Perubatan Dalaman, Obstetrik & Ginekologi dan Pediatrik) dibahagi kepada dua unit iaitu Wad COVID dan Bukan COVID. Dewan Pembedahan, Bilik Kelahiran, Pediatrik HDW dan Unit Rawatan Rapi juga dibahagi kepada dua.

Sekatan laluan juga dilakukan bagi menjamin keselamatan kakitangan dan pesakit daripada risiko jangkitan COVID-19.



Antara infografik yang dihasilkan oleh Unit Promosi Kesihatan dan Komunikasi Risiko sepanjang Pelaksanaan Kawalan Pergerakan (PKP)

PENAUNG
Prof. Dato' Dr Hanafiah Harunarashid

KETUA PENGARANG
Prof Madya Dr Mohd Rohaizat Bin Hassan

KETUA EDITOR
Dr. Sharifah Azura Salleh

PENGARANG
Prof Madya Dr Azmawati Mohammed Nawi
Prof Madya Dr Rozita Hod
Prof Madya Dr Azimaton Noor Aizuddin
Prof Madya Dr Norfazilah Ahmad
Prof. Madya Dr. Asrul Bin Abdul Wahab
Prof. Madya Dr. Tzar Mohd Nizam Bin Khaithir
Dr. Faiz Daud
Dr. Petrick @ Ramesh A/L K Periyasamy
Dr. Najma Kori

PENULIS / PENYUMBANG BAHAN

Mohd Afiq Arifin
Sazman Wahab
Mohd Firdaus Habib
Mohd Rizam Abd Rahman
Azman Ariff
Fadly Syah Arsad
Mohd Izzar Anwari Abdul Khani
Muhammad Hilmi Mahmud
Puteri Sofia Nadira
Aniff Azfarahim Ibrahim
Rumaizah Mohd Nordin
Ummi Mirza Baharudin
Normaslina Mustaza
Intan Kartina A Karim
Juliana Mansor
Thivyadharshini A/P Uvaraju
Norayuni Mohd Ismail
Khairul Hazdi Yusof
Izyani Bahari
Zurina Mohamad Saleh
Muhd Fazly Nizam Bin Rashdi

JURUGAMBAR
Mohd Afiq Arifin
Rosli Nasir JMP

GRAFIK
Mohd Firdaus Habib
Sazman Wahab

PERCETAKAN
Mohd Rizam Abd Rahman

PENGEDARAN
Khairul Hazdi Yusof

PEMAKANAN YANG SEIMBANG DAN SIHAT SEPANJANG BULAN RAMADAN



Mengambil makanan seimbang

Pilih Menu dan kaedah memasak yang sihat seperti kukus, rebus, goreng dan bakar



Makanan perlu dimakan dalam tempoh 3 jam selepas dimasak

Minum air kosong sekurang-kurangnya 1.5 liter atau 8 gelas



Elakkan minuman berkarbonat dan gula yang tinggi

Gunakan herba dan rempah semula jadi. Kurangkan penggunaan gula, garam dan minyak di dalam makanan



DISEDIAKAN OLEH: ZURINA MOHAMAD SALEH